

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 MEI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3

Langkah permulaan ke arah subsidi bersasar

Langkah permulaan ke arah subsidi bersasar

Kuala Lumpur: Penganalisis menyifatkan keputusan kerajaan tidak lagi memberi subsidi elektrik dan haji untuk golongan berpendapatan tinggi atau T20 sebagai langkah permulaan ke arah pemberian subsidi bersasar.

Pensyarah Pembangunan Ekonomi dari Arshad Ayub Graduate Business School (AAGBS), Universiti Teknologi Mara (UITM), Prof Dr Tan Peck Leong, berkata sudah tiba masa kerajaan ambil langkah proaktif melaksanakan program subsidi bersasar.

Beliau mengulas pengumuman Datuk Seri Anwar Ibrahim di Dewan Rakyat, semalam, sebuah Pangkalan Data Utama (PADU) iaitu sistem penyelarasan data yang dijangka siap menjelang akhir tahun ini akan menyelaras penilaian agihan subsidi kepada golongan yang layak.

Perdana Menteri berkata, golongan T20 (yang ada) rumah besar, tidak akan diberi subsidi elektrik.

Bagaimanapun, Peck Leong berharap PADU yang akan dibangunkan sebagai sistem penyelarasan data itu dapat digunakan untuk menentukan golongan yang benar-benar layak mendapat subsidi.

Ditanya ada kebimbangan rakyat yang mewarisi rumah besar di alamat kejiranan elit, namun tidak berstatus T20 turut dikategorikan sebagai berpendapatan tinggi berdasarkan lokasi penempatan mereka, Peck Leong yakin PADU menjadi pangkalan data yang tepat sebagai rujukan dalam urusan pemberian subsidi bersasar.

"Kita faham, mungkin (ada isi rumah) sebelum ini mempunyai pendapatan bulanan RM15,000 ke atas dan selepas bersara mereka tidak mempunyai pendapatan. Kita harap sistem PADU bersifat dinamik untuk membantu kerajaan membuat tapisan yang tepat bagi menentukan penerima subsidi.

"Selain itu, mesti memastikan PADU dapat mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber, termasuk Pusat Sistem Maklumat Rujukan Kredit (CCRIS), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan sumber lain yang boleh menunjukkan status kewangan isi rumah bagi mengurangkan masalah kecaciran dalam program subsidi bersasar," katanya.

Peck Leong berkata, kerajaan ketika ini membelanjakan ham-

pir RM5.8 bilion untuk subsidi elektrik, dan kebanyakan penerima adalah mereka dari kalangan berpendapatan tinggi," katanya kepada *BH*.

Beliau juga bersetuju jika sebuah rumah yang mempunyai lima atau lebih unit pendingin hawa, isi rumah berkenaan perlu membayar bil elektrik secara penuh tanpa sebarang subsidi.

Peck Leong percaya, jika berjaya, kerajaan akan memulakan subsidi bersasar untuk bahan api seperti petrol.

Mengakui bukan semua sistem adalah sempurna dan bebas kekilapan, beliau berpendapat kerajaan perlu mewujudkan sebuah mekanisme untuk memberi ruang kepada rakyat membuat rayuan jika mereka tidak layak menerima subsidi.

"Dengan cara ini sistem PADU dapat menyemak dokumen dan kaedah tapisan dari semasa ke semasa dan tidak bergantung kepada pangkalan data lama yang tidak dikemaskini," katanya.

Mekanisme buat rayuan

Sementara itu, Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan turut bersetuju dengan langkah kerajaan untuk memulakan

subsidi bersasar.

"Sangat bagus, dan saya harap kerajaan dapat mewujudkan satu mekanisme untuk memberi ruang kepada rakyat membuat rayuan jika tidak menerima subsidi," katanya kepada *BH*.

Beliau juga berharap sistem PADU yang bakal diwujudkan perlu sentiasa di kemas kini untuk memastikan maklumat dalam pangkalan data itu adalah terkini dan bukan maklumat lapuk.